

# Jangan salah anggap: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Masyarakat Cina harus menerima secara positif usaha kerajaan mewujudkan masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing, dinamik dan progresif, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, usaha kerajaan itu adalah untuk memastikan Bumiputera setanding dengan masyarakat lain supaya ia dapat bersama menyumbang secara berkesan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

"Saya harap masyarakat Cina Malaysia tidak akan salah anggap perkara ini sebagai satu ketidakadilan kepada mereka. Sebaliknya, mereka hendaklah menerima perkara ini secara positif, sebagai satu usaha dan langkah ke arah kestabilan politik yang akan membawa kebaikan jangka panjang kepada negara, dan dengan itu memberikan segala kerjasama yang wajar untuk menjayakannya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua selama dua hari anjuran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian

19 AUG 1992  
Cina Malaysia (ACCCIM), di sini hari ini.

Menurutnya, usaha meningkatkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah langkah berkesan ke arah mencapai integrasi ekonomi dan menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi serta membantu usahawan Bumiputera memasuki bidang perniagaan dengan berkesan.

Dr Mahathir berkata, interaksi sedemikian akan menghapuskan syak wasangka antara kedua-dua pihak serta mengurangkan perasaan perkauman yang tebal.

"Orang Melayu dan Bumiputera hendaklah menggunakan usahasama ini sebagai satu cara mempelajari selok-belok perniagaan dan bukan untuk kaya cepat.

"Orang Cina pula hendaklah menganggap rakan usahawan Melayu sebagai rakan setaraf dan sebenar, dan bukannya sebagai alat atau barisan depan untuk mendapatkan kemudahan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kadar pertumbuhan ekonomi negara lebih lapan peratus sejak 1988 menceraikan harapan Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang

tahun 2020.

Katanya, industri pembuatan kini menjadi sektor terpenting yang menyumbang lebih 28 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding sektor pertanian 18 peratus.

"Eksport barang kilang sudah menggantikan barang pertanian dan perlombongan sebagai eksport utama Malaysia dan kini menyumbang 65 peratus kepada jumlah eksport negara. Ini dijangka meningkat kepada 81 peratus pada tahun 2000," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjelaskan, kemelesetan ekonomi di negara maju kini sedikit sebanyak memberi kesan kepada ekonomi Malaysia di segi perdagangan dan pelaburan.

Katanya, pada suku pertama tahun ini, kadar pertumbuhan eksport Malaysia menurun kepada empat peratus berbanding 20.6 peratus pada suku pertama tahun lalu.

"Ini kerana permintaan negara maju bagi barang eksport Malaysia berkurangan disebabkan kelembapan ekonomi negara berkenaan.

"Bilangan projek pelaburan

**LIHAT MUKA 2**

# Kadar eksport naik empat peratus

## DARI MUKA 1

yang diluluskan (pada suku pertama tahun ini) juga sudah berkurangan kepada 159 bernilai \$8.6 bilion berbanding pelaburan 286 projek bernilai \$15.6 bilion pada suku tahun pertama tahun lalu," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, penurunan itu cuma membabitkan pengurangan kadar pertumbuhan eksport, dan bukannya penurunan eksport.

"Tahun lalu, kadar pertumbuhan eksport Malaysia meningkat 15 peratus, manakala tahun ini cuma empat peratus. Ini masih lebih daripada tahun lalu tetapi kadar pertumbuhannya sudah berkurangan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pelaburan dari Jepun dan Taiwan adalah yang paling banyak berkurangan berikutan masalah ekonomi di negara berkenaan.

Menjelaskan kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata, kekurangan pelaburan dari Taiwan ke negara ini juga disebabkan tumpuan negara itu melabur ke China kerana peluang lebih luas dan pasaran tempatan China lebih besar.

Beliau turut menolak dakwaan konon dasar pelaburan Malaysia menyebabkan pelabur Taiwan tidak berminat melabur di negara ini kerana dakwaan sedemikian adalah pendapat peribadi pihak tertentu.

Katanya, usahawan dan Kerajaan Taiwan secara umumnya menafikan dakwaan konon dasar Malaysia menyebabkan ramai pelabur negara itu lari keluar dari negara ini.